



APPLIED HISTORY JOURNAL OF MERONG MAHAWANGSA

<https://e-journal.uum.edu.my/index.php/ahjmm>

How to cite this article:

Ahmad Syahir Ahamad Nzly & Aini Raudhah Roslam, (2024). Sejarah ajaran sesat di Malaysia: Analisis terhadap faktor-faktor kemunculan dan langkah-langkah menangani. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*, 2, 132-143. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2024.2.9>

SEJARAH AJARAN SESAT DI MALAYSIA: ANALISIS TERHADAP FAKTOR-FAKTOR KEMUNCULAN DAN LANGKAH-LANGKAH MENANGANI

*(The History of Deviant Teachings in Malaysia: An Analysis of
Emergence Factors and Countermeasures)*

¹Ahmad Syahir Ahamad Nzly, ²Aini Raudhah Roslam

¹Academy Of Contemporary Islamic Studies,
MARA Technological University, Malaysia

²Research And Development Department,
The Royal Malaysian Customs Department Academy

¹*Corresponding author: syahirnazli@gmail.com*

Received: 30/7//2024

Revised: 9/9/2024

Accepted: 10/9/2024

Published: 12/9/2024

ABSTRAK

Ajaran sesat merupakan fenomena penting dalam konteks sosial dan agama di Malaysia di mana hal ini merujuk kepada penyimpangan daripada ajaran Islam yang sebenar oleh majoriti umat Islam di Malaysia. Kajian ini bertujuan untuk meneliti faktor-faktor sejarah yang menyumbang kepada kemunculan ajaran sesat di Malaysia serta langkah-langkah mengatasinya. Metodologi kajian yang digunakan adalah pendekatan kualitatif melalui dua kaedah utama analisis kandungan data iaitu analisis tematik dan analisis kandungan. Kajian

ini mengkaji tiga sampel ajaran sesat iaitu Darul al-Arqam, Ayah Pin dan Hizbullah yang wujud di Malaysia sejak penubuhan negara hingga kini. Melalui kajian literatur yang komprehensif dan analisis kes utama kajian ini menggariskan latar belakang sejarah ajaran sesat dan faktor-faktor yang mempengaruhi kemunculannya serta langkah-langkah penyelesaiannya. Selain itu, kajian ini menilai respons masyarakat dan pihak berkuasa terhadap fenomena ini serta impaknya terhadap komuniti Islam di Malaysia. Hasil kajian ini adalah signifikan dalam memahami pola perkembangan ajaran sesat di Malaysia dan memberi cadangan untuk langkah-langkah pencegahan agar ia tidak berulang pada masa hadapan.

Kata Kunci: Islamisasi, Penyimpangan Agama, Keselamatan Sosial, Penguatkuasaan Fatwa, Dakwah, Respons Masyarakat, Pencegahan Ajaran Sesat.

ABSTRACT

Deviant teachings are a significant phenomenon in the social and religious context of Malaysia, referring to deviations from the true teachings of Islam as recognized by the majority of Muslims in the country. This study aims to examine the historical factors contributing to the emergence and solutions suggested of deviant teachings in Malaysia. This study applies qualitative research methodology which included thematic analysis and content analysis approach. This study explores three deviant teachings which are Darul al-Arqam, Ayah Pin and Hizbullah that have existed in Malaysia from the country's formation to the present day. Through a comprehensive literature review and analysis of key cases, this study outlines the historical background of deviant teachings and the factors influencing their emergence and also solutions suggested. Additionally, this study assesses the responses of society and authorities to this phenomenon and its impact on the Muslim community in Malaysia. The findings of this study are significant in understanding the development patterns of deviant teachings in Malaysia and provide recommendations for preventive measures to ensure such occurrences do not recur in the future.

Keywords: Islamization, Religious Deviations, Social Security, Fatwa Enforcement, Islamic Preaching, Community Response, Prevention of Deviant Teachings.

PENGENALAN

Islam telah memainkan peranan penting dalam kehidupan masyarakat Malaysia bukan sahaja sebagai agama rasmi negara tetapi juga sebagai asas kepada pembentukan identiti kebangsaan dan budaya tempatan. Kedatangan Islam ke Tanah Melayu pada abad ke-7 Masihi melalui interaksi dengan pedagang Arab, India dan Parsi membawa perubahan besar dalam aspek sosial, politik, ekonomi dan keagamaan masyarakat tempatan (Al-Attas, 1972). Islam diterima bukan sahaja sebagai agama tetapi juga sebagai sistem kehidupan yang merangkumi undang-undang serta adat resam yang mengatur kehidupan seharian masyarakat Melayu (Din, Husain, Kib, & Bakar, 2017). Kesultanan Melaka merupakan salah satu kerajaan Melayu terawal yang berpengaruh dan menjadi pusat penyebaran Islam di rantau ini. Penerimaan Islam sebagai agama rasmi oleh Sultan Melaka memperkukuh lagi kedudukan agama ini di Tanah Melayu

dan membantu penyebarannya ke seluruh Nusantara (Roff, 1998). Islam juga menjadi asas kepada sistem perundangan di bawah hukum syariah yang mula diamalkan dalam urusan kerajaan dan rakyat (Kurdie, 2019).

Walaupun Islam berkembang pesat dan diiktiraf sebagai agama majoriti namun sejarah mencatatkan bahawa cabaran-cabaran turut wujud termasuk kemunculan ajaran sesat yang menyimpang daripada ajaran Islam arus perdana. Ajaran sesat ini muncul kerana salah tafsir terhadap ajaran Islam sebenar atau disebabkan oleh kepentingan peribadi individu atau kumpulan tertentu. Contoh seperti Darul al-Arqam dan ajaran Hizbullah menjadi peringatan bahawa ajaran sesat boleh menimbulkan kekeliruan dalam kalangan umat Islam serta menjadi ancaman kepada kestabilan sosial dan agama di negara ini (Zainal, 2005; Muhtador, 2018). Pengaruh penjajah British juga memainkan peranan penting dalam sejarah perkembangan Islam di Malaysia. Walaupun terdapat cubaan untuk mempengaruhi struktur politik dan sosial Melayu, Raja-Raja Melayu tetap mengekalkan Islam sebagai agama rasmi negeri-negeri mereka. Ini dibuktikan melalui perjanjian-perjanjian yang dimeterai di antara kerajaan Melayu dan British di mana Islam terus diiktiraf sebagai agama rasmi dengan Sultan sebagai ketua agama Islam negeri (Din et al., 2017). Namun, tempoh ini juga menyaksikan kemunculan ajaran-ajaran sesat yang sering dipengaruhi oleh faktor sosial dan ekonomi (Zaki, 2015).

Selepas kemerdekaan Tanah Melayu pada tahun 1957, kedudukan Islam sebagai agama rasmi Malaysia diperkukuh melalui Perkara 3(1) dalam Perlembagaan Persekutuan yang menyatakan bahawa "Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana bahagian Persekutuan" (Amrozi, 2019). Pengiktirafan ini tidak terlepas daripada peranan parti politik *United Malays National Organization* (UMNO) dalam mengekalkan identiti Melayu-Islam dalam struktur negara yang baru merdeka (Din et al., 2017). Dengan kedudukan Islam yang kukuh ini, tanggungjawab yang besar turut timbul untuk memastikan ajaran-ajaran sesat tidak menjejaskan kesucian Islam di negara ini. Pendidikan agama yang lebih mendalam serta penguatkuasaan undang-undang yang tegas diperlukan untuk menangani ancaman ini (Muhtador, 2018). Oleh itu, kajian ini bertujuan untuk memberikan tinjauan sejarah yang komprehensif terhadap perkembangan ajaran sesat di Malaysia. Selain itu, kajian ini juga mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada kemunculan ajaran sesat dan langkah-langkah menanganinya. Melalui kajian ini, diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai fenomena ajaran sesat serta langkah-langkah pencegahan yang berkesan untuk menghindari kemunculannya pada masa hadapan.

SOROTAN KAJIAN LEPAS

Kemasukan Islam ke Tanah Melayu telah banyak dibincangkan oleh sarjana dalam konteks perubahan sosial, politik dan agama. Menurut al-Attas (1972), Islam diperkenalkan ke Tanah Melayu melalui pedagang Arab, India dan Parsi yang kemudiannya diterima oleh masyarakat tempatan serta menjadi asas kepada pembentukan kerajaan-kerajaan Melayu seperti Kesultanan Melaka. Roff (1998) pula menekankan bahawa Islam bukan sahaja diterima sebagai agama tetapi juga sebagai sistem perundangan yang merangkumi semua aspek kehidupan termasuk undang-undang, adat dan budaya. Bagaimanapun kajian mengenai kesan mendalam Islam terhadap struktur sosial dan agama masyarakat Melayu sering kali

mengabaikan bagaimana unsur-unsur tempatan seperti animisme dan pengaruh Hindu-Buddha mempengaruhi penerimaan Islam secara beransur-ansur. Kajian Winstedt (1992) dan Wilkinson (1924) menekankan bahawa penerimaan Islam oleh masyarakat Melayu membawa kepada transformasi dalam struktur sosial dan politik di mana raja-raja Melayu berperanan sebagai pelindung agama Islam. Namun begitu, kajian-kajian ini kurang memberi perhatian kepada bagaimana unsur-unsur tersebut diintegrasikan ke dalam kerangka Islam atau bagaimana amalan pra-Islam masih wujud dalam bentuk-bentuk tertentu selepas Islamisasi.

Hooker (2003) pula mencadangkan bahawa Islam menjadi alat penting dalam pembentukan identiti kebangsaan Melayu terutamanya dalam menghadapi pengaruh penjajah barat. Walaupun Hooker mengkaji kesan Islam dalam konteks penjajahan namun peranannya dalam memperkuhi identiti Islam Melayu di era pasca-penjajahan masih memerlukan kajian yang lebih mendalam. Kajian terhadap impak penjajahan terhadap pengamalan ajaran Islam dan kebangkitan gerakan pemurnian Islam juga belum dibahas secara tuntas. Peranan fatwa sebagai alat untuk menangani ajaran sesat telah mendapat perhatian dalam beberapa kajian terdahulu. Ismail (2016) mengkaji evolusi fatwa di Malaysia dan peranan Majlis Fatwa Kebangsaan dalam mengawal ajaran-ajaran yang menyimpang daripada Islam. Zainal Abidin (2005) pula meneliti bagaimana fatwa menjadi instrumen undang-undang yang berkesan dalam menangani cabaran-cabaran baharu termasuk kemunculan ajaran sesat. Bagaimanapun, terdapat kekurangan dalam kajian yang meneliti kesan fatwa dalam kalangan masyarakat bukan Islam serta keberkesanannya di negeri-negeri yang mempunyai autonomi agama yang lebih kuat seperti di Kelantan dan Terengganu.

Noor Aini (2012) pula mendapati bahawa fatwa bukan sahaja berfungsi sebagai panduan agama tetapi juga sebagai mekanisme kawalan sosial yang memastikan ajaran Islam dipelihara daripada anasir-anasir yang boleh menyesatkan umat. Walaupun kajian ini memberi tumpuan kepada kepentingan fatwa, ia tidak menghuraikan bagaimana fatwa dilaksanakan secara praktikal terutamanya dalam menangani cabaran penyebaran ajaran sesat melalui media sosial. Dalam konteks globalisasi dan ledakan teknologi, kajian lebih lanjut diperlukan untuk memahami bagaimana fatwa dapat dimanfaatkan untuk mengatasi penyebaran ajaran sesat secara dalam talian yang belum dikaji secara mendalam.

Kemunculan ajaran sesat di Malaysia telah menarik perhatian ramai pengkaji tetapi kajian terdahulu masih tidak memadai dalam merangkumi keseluruhan spektrum faktor yang menyumbang kepada fenomena ini. Zulkifli (2014) meneliti kes-kes ajaran sesat seperti Darul al-Arqam dan Ayah Pin yang telah menimbulkan kekeliruan dan kekacauan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia. Azmi (2008) menekankan bahawa kekurangan pengetahuan agama dalam kalangan pengikut ajaran sesat menjadi salah satu faktor utama yang mendorong kemunculan fenomena ini. Namun begitu, kajian yang menumpukan kepada profil sosio-ekonomi pengikut ajaran sesat dan kesan globalisasi terhadap penyebaran fahaman sesat masih kurang diberikan perhatian. Abdul Halim (2010) pula menekankan bahawa faktor sosial dan ekonomi turut menyumbang kepada penyebaran ajaran sesat di mana golongan yang menghadapi kesukaran hidup sering kali mencari penyelesaian dalam ajaran-ajaran yang menjanjikan kemudahan dan kebahagiaan.

Meskipun faktor ekonomi sering kali disebut, kajian tentang peranan psikologi sosial dalam menyumbang kepada kemunculan ajaran sesat jarang diketengahkan. Ahmad Fauzi (2011) menyatakan bahawa ajaran sesat sering kali disokong oleh pemimpin karismatik yang mempengaruhi pengikut mereka melalui pendekatan psikologi dan mistik tetapi kajian ini

tidak memperincikan bagaimana pemimpin-pemimpin ini menggunakan media moden seperti internet dan media sosial untuk memperluas pengaruh mereka. Impak sosial akibat kemunculan ajaran sesat jelas tidak boleh dipandang remeh. Zainal Abidin (2005) mencatatkan bahawa ajaran sesat telah menyebabkan perpecahan dalam kalangan masyarakat Islam di Malaysia, menjejaskan kestabilan sosial dan keharmonian. Namun, kajian mengenai implikasi jangka panjang ajaran sesat terhadap struktur institusi keluarga, Pendidikan dan politik di Malaysia masih terhad.

Mohd Farid (2015) pula mengkaji bagaimana ajaran sesat mempengaruhi pemikiran dan tingkah laku pengikutnya tetapi lebih banyak kajian diperlukan untuk memahami dinamika proses radikalisasi yang berlaku dalam kalangan pengikut ajaran sesat ini. Dalam usaha untuk mengatasi masalah ini, kerajaan Malaysia telah mengambil beberapa langkah pencegahan yang efektif. Abdul Razak (2016) menekankan bahawa kempen kesedaran dan pendidikan agama yang lebih mendalam perlu dijalankan secara berterusan untuk mencegah penyebaran ajaran sesat. Zulkifli (2014) mencadangkan bahawa kerjasama di antara pihak berkuasa agama, institusi pendidikan dan masyarakat sivil adalah kunci untuk menangani fenomena ini. Namun, kajian mengenai keberkesanan program-program pencegahan ajaran sesat di peringkat akar umbi masih terhad. Program-program pendidikan agama yang lebih terperinci dalam kalangan remaja dan penggunaan teknologi digital sebagai alat untuk menyebarkan maklumat agama yang sahih juga kurang diteliti. Azhar (2019) dan Roslan (2020) menekankan tentang pentingnya pendekatan holistik dalam menangani ajaran sesat termasuk penggunaan teknologi digital untuk menyebar luas maklumat yang benar mengenai Islam.

Walaupun ini adalah langkah penting, kajian empirikal mengenai keberkesanan penggunaan media digital dalam menangani ajaran sesat masih kurang dikaji. Tambahan lagi, peranan media dalam memberikan liputan yang tepat dan tidak sensasional terhadap kes-kes ajaran sesat memerlukan kajian lebih lanjut untuk memastikan bahawa laporan media tidak memperburukkan situasi dengan menimbulkan ketakutan atau salah faham. Sorotan terhadap kajian lepas menunjukkan bahawa walaupun terdapat banyak kajian tentang ajaran sesat di Malaysia namun masih terdapat beberapa jurang dalam pemahaman tentang faktor sosio-ekonomi, psikologi dan peranan teknologi dalam penyebaran ajaran sesat. Di samping itu, kajian mengenai langkah pencegahan yang lebih holistik dan penggunaan media digital untuk memerangi ajaran sesat perlu diperkembangkan. Kajian mendalam tentang bagaimana fatwa boleh dimanfaatkan dalam konteks moden untuk menangani ajaran sesat dalam era globalisasi dan ledakan maklumat juga masih kurang diterokai.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif dengan kaedah kajian perpustakaan sebagai kaedah utama untuk pengumpulan dan analisis data. Kaedah pengumpulan data adalah dengan menggunakan kaedah analisis kandungan. Kaedah ini dipilih kerana ia membolehkan penyelidik mengakses pelbagai sumber yang berkaitan dengan ajaran sesat di Malaysia secara mendalam termasuk sumber sejarah dan sosiopolitik. Sumber-sumber yang dianalisis dalam kajian ini terdiri daripada buku-buku akademik, artikel jurnal ilmiah, laporan rasmi dan fatwa. Pendekatan kajian perpustakaan ini memberikan keupayaan untuk mengakses maklumat yang luas serta mendalam mengenai sejarah, latar belakang, faktor kemunculan dan respons serta langkah penyelesaian terhadap ajaran sesat di Malaysia. Beberapa contoh dokumen sejarah yang dianalisis termasuk laporan Majlis Fatwa Kebangsaan (MKI), keputusan-keputusan

fatwa di peringkat negeri, serta laporan rasmi dari Kementerian Dalam Negeri (KDN) yang berkaitan dengan ajaran sesat seperti Darul al-Arqam, Ayah Pin dan Hizbullah. Dalam menganalisis data yang diperoleh, kajian ini menggunakan kaedah analisis tematik sebagai teknik utama. Teknik ini melibatkan pengenalpastian tema-tema utama yang muncul daripada sumber-sumber kajian seperti faktor-faktor penyumbang kepada kemunculan ajaran sesat, kesan sosial yang ditimbulkan dan peranan pihak berkuasa dalam menangani fenomena ini.

Kaedah analisis data dengan cara analisis tematik membolehkan maklumat daripada pelbagai sumber dianalisis untuk mengenal pasti corak dan hubungan yang konsisten yang seterusnya membantu memahami lebih mendalam tentang perkembangan ajaran sesat di Malaysia. Selain itu, kaedah analisis kandungan turut digunakan untuk meneliti kandungan dokumen sejarah dan laporan rasmi. Kaedah analisis kandungan ini bertujuan untuk menilai bagaimana fenomena ajaran sesat didokumentasikan dan bagaimana pihak berkuasa memberikan reaksi terhadapnya dari segi undang-undang dan fatwa. Pendekatan ini juga membolehkan kajian ini memberikan analisis yang lebih terperinci mengenai cara ajaran sesat berkembang dan bagaimana respons terhadapnya berubah mengikut konteks sosial dan politik semasa. Hasil daripada kombinasi dua kaedah analisis data iaitu analisis tematik dan analisis kandungan, kajian ini mampu memberikan gambaran yang komprehensif tentang fenomena ajaran sesat di Malaysia serta implikasi sosial yang timbul daripadanya. Pada masa yang sama, kajian ini juga akan mencadangkan langkah-langkah pencegahan yang berkesan berdasarkan hasil kajian literatur dan dokumen-dokumen yang dianalisis.

PERKEMBANGAN ISLAM DI MALAYSIA

Islam memainkan peranan penting dalam pembentukan identiti kebangsaan dan budaya masyarakat Melayu sejak kedatangannya ke Tanah Melayu pada abad ke-7 masehi melalui interaksi dengan pedagang Arab, India dan Parsi (Winstedt, 1992; Wilkinson, 1924). Kedatangan Islam membawa perubahan besar dalam struktur sosial, politik dan undang-undang menggantikan amalan Hindu-Buddha dan animisme yang dominan pada ketika itu (Al-Attas, 1972). Salah satu peristiwa bersejarah yang memperkukuhkan kedudukan Islam di Malaysia ialah pengislaman Parameswara, pengasas Kesultanan Melaka yang kemudian dikenali sebagai Sultan Muhammad Shah sekitar tahun 1414 Masehi (Din et al., 2017). Kesultanan Melaka menjadi pusat penyebaran Islam di Nusantara dan hukum syariah mula diamalkan sebagai sistem perundangan rasmi (Roff, 1998). Kesultanan-kesultanan Melayu lain seperti Johor dan Pahang juga menjadikan Islam sebagai asas politik dan identiti kebangsaan menjadikan Islam elemen penting dalam sistem sosial dan undang-undang masyarakat Melayu (Zainal Abidin, 2005).

SEJARAH KEMUNCULAN AJARAN SESAT DI MALAYSIA

Kemunculan ajaran sesat di Malaysia bukanlah fenomena baharu dan telah wujud sejak zaman pra-kemerdekaan. Pada masa itu, masyarakat Melayu yang pada awalnya menganut agama Hindu-Buddha dan animisme perlahan-lahan beralih kepada Islam namun sisa-sisa kepercayaan lama masih bercampur dengan ajaran Islam menghasilkan kepercayaan yang tidak ortodoks (Hasyim, 2019). Perkembangan ajaran sesat menjadi lebih ketara selepas kemerdekaan apabila kerajaan mula mengambil langkah untuk mengawasi dan menangani fenomena ini. Beberapa contoh ajaran sesat yang terkenal di Malaysia termasuk Darul al-

Arqam telah diasaskan pada tahun 1968 oleh Ashaari Muhammad atau Abuya yang menimbulkan kontroversi kerana amalan mistik dan pemujaan pemimpin. Abuya telah dilahirkan pada tarikh 30 Oktober 1937 dan meninggal dunia pada 13 Mei 2010 (Shiozaki, 2015). Sebuah lagi ajaran sesat yang mencetuskan kekeliruan ialah Ayah Pin atau nama sebenarnya Ariffin Mohammed di mana pengikutnya mempercayai bahawa pemimpin mereka mempunyai kuasa mistik dan merupakan "utusan tuhan" dari kerajaan langit. Selain itu, ajaran sesat yang bernama Hizbullah, yang diilhamkan oleh ideologi ekstremis luar negara turut muncul sebagai cabaran besar kepada kestabilan sosial dan agama (Ahmad, 2020).

FAKTOR-FAKTOR KEMUNCULAN AJARAN SESAT

Terdapat beberapa faktor menyumbang kepada kemunculan ajaran sesat di Malaysia. Kekeliruan agama dan kekurangan pendidikan agama merupakan faktor utama kepada kemunculan ajaran sesat. Banyak ajaran sesat muncul dalam kalangan mereka yang kurang pengetahuan tentang ajaran Islam yang sebenar. Pengikut mudah terpengaruh dengan ajaran yang kelihatan lebih mudah dan menjanjikan manfaat spiritual dan material yang cepat (Khairuldin, 2018; Apipudin, 2020). Selain itu, karisma pemimpin ajaran sesat turut menyumbang kepada faktor kemunculan ajaran sesat. Pemimpin ajaran sesat seperti Ashaari Muhammad atau Abuya yang mengasaskan ajaran Darul al-Arqam dan Ayah Pin atau nama sebenarnya Ariffin Mohammed mempunyai karisma yang kuat dan kemampuan untuk mempengaruhi pengikut melalui pendekatan mistik dan psikologi (Salleh, Samuri, & Kashim, 2016). Pengaruh ini menjadikan pengikut setia meninggalkan ajaran Islam arus perdana yang benar.

Dalam konteks kajian mengenai sejarah ajaran sesat di Malaysia, Global Ikhwan Sdn Bhd (GISB) Holdings yang berasal daripada Darul al-Arqam memainkan peranan penting dalam membentuk salah satu contoh amalan yang dianggap menyimpang daripada ajaran Islam arus perdana. Amalan kontroversi yang diamalkan oleh ahli-ahli GISB adalah penggunaan pantun dan seloka untuk memuji pengasas Darul al-Arqam iaitu Ashaari Muhammad, yang dikenali sebagai Abuya. Pantun-pantun ini sering kali mempromosikan kepercayaan bahawa Abuya akan hidup semula walaupun telah meninggal dunia, kembali atau "zahir" semula, yang memperlihatkan keyakinan para pengikut GISB terhadap pengaruh spiritual yang kekal milik Abuya, walaupun setelah kematiannya.

Amalan ini menimbulkan perdebatan dan kritikan kerana dianggap mengagungkan Abuya iaitu Ashaari Muhammad secara berlebihan, sehingga menimbulkan dakwaan ajaran sesat oleh beberapa ulama arus perdana di Malaysia. Seperti yang dilaporkan oleh beberapa sumber, pantun dan seloka ini sering kali dibacakan dalam majlis-majlis GISB, dengan Abuya iaitu Ashaari Muhammad diposisikan sebagai tokoh utama yang menjadi objek penghormatan melampaui batas-batas yang dibenarkan oleh ajaran Islam. Video-video yang memaparkan amalan ini boleh ditemui di platform-platform digital media sosial seperti *YouTube* (YT) dan *TikTok* (TT). Selain itu, tindakan pengikut GISB ini dianggap bertentangan dengan prinsip-prinsip asas Islam oleh sebahagian ulama yang benar (GISB Holdings, 2024; *YouTube*, 2024; *TikTok*, 2024).

Dalam analisis faktor-faktor kemunculan ajaran sesat ini, kepercayaan melampaui batas terhadap pemimpin berkarismatik walaupun telah meninggal dunia seperti Abuya iaitu Ashaari

Muhammad sering kali menjadi salah satu pendorong utama. GISB Holdings adalah contoh bagaimana pengaruh seorang individu yang bernama Ashaari Muhammad atau Abuya walaupun telah meninggal dunia boleh berkembang menjadi sebuah gerakan yang dianggap menyimpang daripada Islam sebenar. Hal yang demikian adalah terutamanya apabila ajaran-ajaran yang dikembangkan serta dianuti oleh para pengikut GISB berasaskan kepada elemen mistik atau konsep kebangkitan semula Abuya walaupun telah lama meninggal dunia.

Ini menyumbang kepada masalah yang lebih besar dalam masyarakat, di mana keyakinan kepada "kebangkitan" seseorang pemimpin boleh dianggap sebagai penyimpangan yang serius daripada ajaran Islam. Langkah penyelesaian perlu diambil dalam menangani fenomena seperti ajaran GISB Holdings termasuk fatwa yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa agama serta dikenakan tindakan undang-undang terhadap penyebaran ajaran sesat. Kes GISB Holdings juga menunjukkan kepentingan pendidikan agama Islam sebenar yang lebih mendalam kepada masyarakat. Selain itu, penekanan terhadap penyebaran kesedaran untuk memastikan masyarakat dapat membezakan di antara ajaran Islam yang sahih dengan ajaran sesat. Hakikatnya, setiap pihak memainkan peranan penting dalam usaha pencegahan daripada penyimpangan amalan yang membawa kepada masalah sosial, ajaran sesat dan keruntuhan agama di Malaysia.

Seterusnya, kekecewaan sosial dan ekonomi juga dilihat menyumbang kepada faktor kemunculan ajaran sesat. Golongan yang mengalami tekanan sosial dan ekonomi sering kali mencari penyelesaian spiritual dalam ajaran sesat yang menawarkan jalan keluar kepada masalah mereka (Mehmood, 2015). Ajaran sesat mampu menarik mereka dengan janji kekayaan atau keselamatan ghaib dengan jalan cepat dan mudah. Justeru, para pengikut yang mempunyai masalah sosial dan ekonomi sangat mudah terjebak dengan ajaran sesat. Di samping itu, kebebasan beragama turut menyumbang kepada faktor kemunculan ajaran sesat. Walaupun Islam adalah agama rasmi, kebebasan beragama di Malaysia membolehkan penyebaran ajaran yang menyimpang selagi tidak melanggar undang-undang negara (Ibrahim, Mohd, & Rashid, 2016). Ini memberi ruang kepada kumpulan ajaran sesat untuk menyebarkan ideologi mereka.

Selain itu, pengaruh media sosial juga menyumbang kepada faktor kemunculan ajaran sesat. Seiring dengan perkembangan teknologi digital dan moden pada masa kini, ajaran sesat dapat disebarkan dengan lebih mudah melalui media sosial dan internet. Pemimpin ajaran sesat menggunakan platform digital dan media sosial untuk menarik pengikut tanpa diawasi oleh pihak berkuasa agama, menjadikan pengawalan ajaran sesat lebih mencabar (Kamali, 2021).

LANGKAH-LANGKAH MENANGANI KEMUNCULAN AJARAN SESAT

Kerajaan Malaysia telah mengambil pelbagai langkah untuk menangani ajaran sesat yang berlaku. Langkah-langkah ini termasuk pengeluaran fatwa yang menentang penyebaran ajaran sesat bagi menangani dan menyelesaikan isu salah tafsir agama Islam. Fatwa menjadi alat penting dalam mengekang penyebaran ajaran sesat. Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) telah mengeluarkan fatwa-fatwa yang mengharamkan ajaran sesat seperti Darul al-Arqam, Ayah Pin, dan Hizbullah (Adil, 2015; Khairuldin, 2018). Selain itu, langkah-langkah penyelesaian kepada penyebaran ajaran sesat adalah dengan pelaksanaan kempen kesedaran dan pendidikan agama. Kerajaan menjalankan

kempen kesedaran dan program pendidikan agama di sekolah-sekolah dan masjid-masjid untuk memberikan pendidikan agama yang lebih mendalam dan mencegah masyarakat daripada terpengaruh dengan ajaran sesat (Ismail, 2019; Khairuldin, Wan Nur Izzati, & Embong, 2018).

Di samping itu, langkah-langkah menangani penyebaran ajaran sesat adalah dengan kaedah penggunaan media sosial untuk seruan dakwah. Pihak berkuasa agama negeri dan persekutuan telah mula menggunakan platform digital untuk menyebarkan maklumat agama yang sahih bagi menyaingi penyebaran ajaran sesat di media sosial. Ini bertujuan untuk memudahkan masyarakat mendapatkan panduan yang tepat mengenai ajaran Islam seterusnya terpelihara daripada ajaran sesat (Ahmad, 2023). Tambahan pula, langkah-langkah membanteras penyebaran ajaran sesat adalah dengan kaedah penguatkuasaan tindakan undang-undang. Pihak berkuasa agama dan kerajaan telah mengambil tindakan tegas terhadap pemimpin dan pengikut ajaran sesat yang didapati melanggar undang-undang, termasuk pendakwaan mahkamah di bawah undang-undang sivil dan syariah (Salleh, Bahori, & Yahya, 2021).

Selain itu, dalam konteks kes yang spesifik dalam penyebaran ajaran sesat, Darul al-Arqam adalah salah satu contoh menjadi kes utama yang menjadi fokus pengawasan pihak berkuasa agama di Malaysia. Ajaran ini menimbulkan kekeliruan dalam kalangan masyarakat Islam melalui pengamalan Aurad Muhammadiyah, yang dikatakan bercanggah dengan ajaran Islam yang sahih. Majlis Fatwa Selangor mengeluarkan fatwa yang mengharamkan Aurad Muhammadiyah sebagai pegangan Darul al-Arqam kerana dianggap menyeleweng daripada akidah Islam sebenar. Darul al-Arqam didapati mempromosikan keyakinan yang menyimpang dengan mengagungkan pemimpin mereka, Ashaari Muhammad atau Abuya, sebagai tokoh spiritual yang kononnya memiliki kemampuan ghaib (Majlis Fatwa Selangor, 2023). Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk mengekang pengaruh ajaran sesat di Malaysia, dan fatwa ini menekankan tentang kepentingan menjaga akidah umat Islam daripada penyimpangan yang boleh mengganggu kestabilan sosial dan agama di negara ini. Fatwa-fatwa seperti ini memainkan peranan penting dalam mengekang penyebaran ajaran sesat dan memastikan umat Islam di Malaysia menerima ajaran yang selari dengan syariat Islam (Shiozaki, 2015).

KESIMPULAN

Kemunculan ajaran sesat di Malaysia merupakan cabaran besar kepada kestabilan sosial dan kesucian ajaran Islam. Kajian ini mendapati bahawa faktor-faktor seperti kekeliruan agama, karisma pemimpin ajaran sesat, kekecewaan sosial dan ekonomi, dan kebebasan beragama menyumbang kepada fenomena ini. Walaupun kerajaan Malaysia telah mengambil pelbagai langkah seperti pengeluaran fatwa, kempen kesedaran, dan tindakan undang-undang terhadap pengasas dan pengikut ajaran sesat, cabaran daripada penyebaran ajaran sesat melalui platform digital dan media sosial masih memerlukan perhatian dan usaha yang lebih menyeluruh untuk menangani isu ini secara efektif. Justeru, kajian ini telah memenuhi tujuan untuk memberikan tinjauan sejarah yang komprehensif terhadap perkembangan ajaran sesat di Malaysia. Selain itu, kajian ini turut telah mengupas faktor-faktor yang menyumbang kepada kemunculan ajaran sesat di Malaysia. Di samping itu, kajian ini turut telah mencadangkan langkah-langkah menangani untuk membanteras penyebaran ajaran sesat di Malaysia. Sebagai kesimpulannya, kajian ini, diharapkan dapat menyumbang kepada pemahaman yang lebih mendalam mengenai

fenomena ajaran sesat serta langkah-langkah pencegahan yang berkesan untuk menghindari kemunculannya pada masa hadapan. Pendekatan fatwa dan penguatkuasaan undang-undang di peringkat persekutuan dan negeri juga dilihat sebagai salah satu langkah penting dalam mengawal penyebaran ajaran sesat, seperti yang telah diamalkan dalam kes Darul Arqam dan ajaran-ajaran lain di Malaysia.

PENGHARGAAN

Penyelidikan ini tidak mendapat geran khusus dari mana-mana agensi pembiayaan di sektor awam atau komersial.

RUJUKAN

- Ahmad, K. (2014). *Extremism in Southeast Asia*. Routledge.
- Ahmad, I. K. (2020). Penerimaan YouTube sebagai sumber maklumat agama Islam dalam kalangan masyarakat di Kampung Ulu Putatan, Sabah: Pengaplikasian model penerimaan teknologi (TAM) dan teori kredibiliti. *Journal of Borneo Social Transformation Studies*. <https://doi.org/10.51200/jobsts.v6i1.2802>
- Ahmad, M. A. A. S. (2023). Sejarah awam, pemikiran dan aktivisme Omar Mohd Hashim. *Applied History Journal of Merong Mahawangsa*. <https://doi.org/10.32890/ahjmm2023.1.2>
- Ahmad Ibrahim. (1997). *Islamic law in Malaysia: Issues and developments*. Institute of Islamic Understanding Malaysia (IKIM).
- Ahmad, R. (2016). *Seminar on fatwa issues in contemporary context: Contemporary fiqh in facing the reality of Malaysian modern society*. Islam and Civilisational Renewal. <https://doi.org/10.52282/icr.v7i2.274>
- Ali, I., & Mujiburrahman, M. (2020). Sikap Ormas-Ormas Islam lokal di Pamekasan terhadap radikalisme agama. *KABILAH: Journal of Social Community*. <https://doi.org/10.35127/kabillah.v5i2.122>
- Al-Attas, S. M. N. (1972). *Islam dalam sejarah dan kebudayaan Melayu*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Apipudin, A. (2020). *Majority Muslims and fatwa sesat of Majelis Ulama Indonesia (MUI): Case study of Majelis Taklim HDH*. Bandung Conference Series: Syariah Banking. <https://doi.org/10.7454/irhs.v0i0.235>
- Aziz, M. A. (2009). *Ajaran Sesat Di Malaysia: Sejarah, Perkembangan Dan Implikasi Sosial*. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Din, M., Husain, W., Kib, M., & Bakar, J. A. (2017). Peranan UMNO menegakkan Islam dalam Perlembagaan Persekutuan: Satu kajian secara kronogikal. *AKADEMIKA*. <https://ejournals.ukm.my/akademika/article/view/14361>
- Fathorrahman, Z., & Farida, S. (2018). Pembentukan karakter positif peserta didik melalui bimbingan pribadi sosial. *KABILAH: Journal of Social Community*. <https://doi.org/10.35127/KBL.V3I1.3277>
- Faizah, F., & Thohri, M. (2018). Strategi penanganan paham keagamaan menyimpang dalam perspektif dakwah. *Jurnal Penelitian Keislaman*. <http://repository.uinmataram.ac.id/id/eprint/1092>

- GISB Holdings. (2024). *Pantun Seloka GISB Puja-Puji Abuya* [Video]. YouTube. <https://www.youtube.com/watch?v=svnkHvt9k8A>
- Halim, W. M. A. W., & Desa, R. (2022). Crime and punishment in Malaysian Sharia law: A maqāṣid al-sharī'ah perspective. *Journal of Fiqh*, 29(1), 22-37.
- Hassan, M. Y. (2014). *Pengaruh ajaran sesat dalam masyarakat Islam Malaysia*. Penerbit Universiti Malaya.
- Hamid, M. (2014). The position of Islam in the Malaysian Constitution with special reference to the conversion case in family law. *International Journal of Humanities and Social Science*, 4(1), 189-198.
- Hooker, V. M. (2003). *Islam in Southeast Asia: Tolerance and radicalism*. In *Islam in Southeast Asia*. ISEAS-Yusof Ishak Institute.
- Ismail, F. (2016). Fatwa as an Islamic legal instrument: Recent reforms in Malaysia. *Arab Law Quarterly*, 30(1), 23-41.
- Ishak, A. (2015). *Ajaran sesat dan keselamatan negara: Analisis kes Al-Arqam dan Al-Ma'unah*. Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jomo, K. S. (1989). Islam in Malaysia: Economic and political implications. *Asian Survey*, 29(11), 1068-1080.
- Khairuldin, W. (2018). Fatwa role in education and legal dispute in Malaysia. *International Journal of Academic Research in Progressive Education and Development*. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARPED/v7-i4/4978>
- Khairuldin, W., Wan Nur Izzati Wan Nor Anas, & Embong, A. H. (2018). Fatwa as a disseminator of Islamic laws among community of Malaysia. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*. <http://dx.doi.org/10.6007/IJARBSS/v8-i11/4925>
- Majlis Agama Islam Negeri (MAIN). (2019). *Penyelidikan dan analisis ajaran sesat di Malaysia*. MAIN.
- Majlis Fatwa Selangor. (2023). Fatwa Aurad Muhammadiyah Pegangan Darul Arqam. Mufti Selangor. <https://www.muftiselangor.gov.my/2023/10/28/fatwa-aurad-muhammadiyah-pegangan-darul-arqam/>
- Mehmood, M. I. (2015). Fatwa in Islamic law, institutional comparison of fatwa in Malaysia and Pakistan: The relevance of Malaysian fatwa model for legal system of Pakistan. *Arts and Social Sciences Journal*. <http://dx.doi.org/10.4172/2151-6200.1000118>
- Mohamad, M. N., & Mamat, Z. (2018). Penerimaan dan penyelarasan fatwa Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia oleh negeri-negeri. *Journal of Fatwa Management and Research*. <https://doi.org/10.33102/jfatwa.vol4no1.93>
- Mohammad Agus Yusoff. (2006). *Politics of federalism and state formation in Malaya, 1945-1957*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Noor Aini, A. (2012). Fatwa dan penguatkuasaannya di Malaysia: Isu dan cabaran. *Jurnal Syariah*, 20(2), 211-230.
- Rahman, H. (2012). Ajaran sesat dan penguatkuasaan undang-undang: Kajian kes di Malaysia. *Jurnal Akidah dan Pemikiran Islam*, 22(1), 45-60.
- Roff, W. R. (1967). *The origins of Malay nationalism*. Yale University Press.
- Salleh, M. K., Bahori, A., & Yahya, M. A. (2021). Position of fatwa in the constitution: A legal analysis. *Pertanika Journal of Social Sciences and Humanities*. <https://doi.org/10.47836/pjssh.29.4.04>

- Salleh, M. K., Samuri, M., & Kashim, M. (2016). Fatwa as an authority in secular courts of Malaysia. *Journal of Fatwa Management and Research*. <https://doi.org/10.20472/IAC.2016.023.067>
- Shamsul A. B. (1997). *Identity construction, nation formation, and Islamic revivalism in Malaysia*. In *Islam in Southeast Asia*. Institute of Southeast Asian Studies. <https://doi.org/10.1515/9780824863029-010>
- Shamsul, A. B. (2001). A history of an identity, an identity of a history: The idea and practice of 'Malayness' in Malaysia reconsidered. *Journal of Southeast Asian Studies*, 32(3), 355-366.
- Shiozaki, Y. (2015). Darul Arqam and other deviant teachings in Malaysia: The role of official fatwa. *Studia Islamika*, 22(3), 377-410.
- TikTok. (2024). Caprice Podcast video [Video]. TikTok. <https://www.tiktok.com/@capricepodcast/video/7411093038811876626>
- Wahid, S. H. (2019). Dinamika fatwa dari klasik ke kontemporer: Tinjauan karakteristik fatwa ekonomi syariah Dewan Syariah Nasional Indonesia (DSN-MUI). *YUDISIA: Jurnal Pemikiran Hukum dan Hukum Islam*. <http://dx.doi.org/10.21043/yudisia.v10i2.5831>
- Yeoh, S.-G. (2015). The role of fatwa in controlling deviant sects in Malaysia. *The Round Table*, 104(2), 251-263.
- YouTube. (2024). *Pantun Seloka GISB Global Ikhwan* [Shorts]. YouTube. <https://www.youtube.com/shorts/C7Eiff71Lcg>
- Zainal, Z. (2005). Sejarah dan konsep ajaran sesat di Malaysia. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporer*, 1(1), 89-102.
- Zaki, M. (2015). Arah Legislasi Hukum Islam di Indonesia dalam Perspektif Interaksi Agama dan Negara. *MIQOT: Jurnal Ilmu-ilmu Keislaman*, 39(1). <http://dx.doi.org/10.30821/miqot.v39i1.39>
- Zulkifli, M. A. (2014). The Ulama in contemporary Malaysia: Their role and influence. *Islam and Christian-Muslim Relations*, 25(4), 465-482.